

Maklumat di bawah berkaitan dengan pengangkutan awam. Huraikan pendapat anda tentang pengangkutan awam di Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Kemudahan pengangkutan awam semakin mendapat tempat dalam hati masyarakat Malaysia. Pengangkutan awam ialah sistem pengangkutan kenderaan bermotor yang disediakan oleh kerajaan untuk memudahkan pengguna bergerak tanpa kenderaan sendiri. Contoh pengangkutan awam ialah teksi, bas dan kereta api. Pelbagai langkah perlu diambil untuk menggalakkan masyarakat Malaysia menggunakan awam.

Langkah pertama ialah kerajaan menyediakan pas bulanan kepada pengguna pengangkutan awam. Hal ini akan memudahkan pengguna kerana tidak perlu panjang untuk membeli tiket setiap hari sekali gus dapat menjimatkan masa pengguna. Contohnya kerajaan telah mengambil langkah proaktif menetapkan pas bulan RM100 bagi pengguna perkhidmatan rel dan bas RapidKL. Jelaslah pas bulanan dapat menggalakkan pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam.

Jika dilihat dari perspektif yang lain, pengusaha sesebuah kenderaan awam perlulah menyediakan perkhidmatan yang lebih pantas dan . Hal ini kerana pengguna semestinya mengharapkan servis yang terbaik apabila menggunakan perkhidmatan awam. Sebagai contoh, pengusaha perlulah bilangan kenderaan dan menyusun semula jadual pergerakan kenderaan supaya pengguna tidak perlu menunggu lama. Tegasnya penyediaan perkhidmatan yang lebih pantas dan efisien dapat pengguna menggunakan perkhidmatan awam.

Kesimpulannya, semua pihak perlulah bahu bagi aur dengan tebing dalam memastikan isu ini dapat . Oleh itu, bersama-samalah kita mengorak langkah sederhana membawa Malaysia menuju ke arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan jayanya dalam memastikan penggunaan pengangkutan awam matlamatnya.